

**Rosmah dan Najib bersimpati sesama sendiri**  
**Malaysian Insider**  
**Nov 24, 2015**

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor berkata beliau bersimpati dengan Datuk Seri Najib Razak, susulan serangan-serangan yang dilemparkan di laman media sosial, dan suaminya itu pun turut sama bersimpati terhadap dirinya yang dijadikan sasaran untuk menjatuhkan kedudukannya sebagai perdana menteri.

"Bila saya tengok di media sosial, saya tanya (Najib) adakah ini mengenai saya? Adakah mereka cakap mengenai saya, tentang Rosmah ini?"

"Kemudian dia (Najib) akan cakap, tidak. Ia bukan mengenai awak. Mereka nak jatuhkan saya (Najib) tetapi mereka tak dapat jatuhkan saya, kemudian libatkan isteri.

"Ia bukan mengenai awak, ia mengenai saya. Mereka nak jatuhkan saya melalui isteri," kata Rosmah, ketika berucap merasmikan klinik perundangan dan kebangkrapan Wanita MIC hari ini.

"Dia rasa simpati terhadap saya dan saya pun rasa simpati terhadap dia. Kami saling bersimpati."

Beliau berkata, disebabkan itu mereka sentiasa menjaga diri masing-masing.

"Itu yang menyebabkan kami sentiasa memastikan antara satu sama lain setiap masa. Jadi dia tidak akan tinggalkan saya, saya harap. Saya memahami dia, dan dia memahami saya.

"Jadi anda perlu tahu banyak perkara yang perlu kita belajar tentang politik. Bukan semasa kempen dan bercakap tentang politik tetapi apa yang penting ialah hubungan antara suami dan isteri terutama suami yang terlibat dengan politik."

Selain itu, Rosmah turut menasihati para isteri agar tidak mendengar sebarang cerita yang negatif tentang suami mereka sebaliknya menjalankan semakan apabila mendengar perkara yang tidak elok tentang pasangan mereka.

"Apa sahaja yang anda dengar, tolong periksa. Contohnya jika suami kita rapat dengan wanita. Bila suami balik, kita tanya siapa wanita itu dan lain-lain.

"Ini akan meningkatkan pelbagai masalah, kebimbangan dan kecurigaan. Dan ia sangat tidak sihat dalam perkahwinan terutamanya suami yang terlibat dengan politik."

Beliau berkata, dalam dunia politik, musuh kadang-kala menyerang pasangan masing-masing.

"Dengar cerita yang positif, jangan dengar yang negatif. Kadangkala orang sengaja

mahu anda berdua bergaduh dan timbulkan kecurigaan.

"Jika terdengar cerita tentang isteri pula, jangan dengar. Kadangkala mereka tidak dapat suami, mereka pergi kepada isteri dan isteri merupakan orang yang tidak bersalah di bumi ini," katanya. – 24 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rosmah-dan-najib-bersimpati-sesama-sendiri>